



Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan

Wan Afizi Wan Hanafi¹, Shahrudin Ahmad¹, Noraziah Ali¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Wan Afizi Wan Hanafi (email: fizie501@gmail.com)

Abstrak

Meningkatkan taraf hidup golongan rentan seperti komuniti orang asli memang merupakan tujahan utama dalam perjuangan panjang Malaysia merealisasikan pembangunan yang inklusif dan setara. Untuk ini pendidikan formal bagi anak orang asli memang dianggap sebagai mekanisma paling tepat. Kertas ini bertujuan mengenalpasti dan menganalisis faktor yang mempengaruhi prestasi pendidikan anak-anak Orang Asli. Kajian dijalankan di SK Pos Brooke dan SK Pos Pulat yang terletak di Jajahan Gua Musang Kelantan. Data kajian di perolehi melalui kaedah soalselidik, temubual dan pemerhatian di lapangan. Responen kajian melibatkan 26 orang guru dan 50 orang ibu bapa Orang Asli. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan prestasi pendidikan pelajar Orang Asli di kawasan kajian berada di peringkat yang sangat rendah, walaupun pelbagai pembangunan infrastruktur dan pelbagai program pendidikan telah dilaksanakan untuk mereka. Faktor yang dikenalpasti mempengaruhi prestasi pencapaian pendidikan anak-anak Orang Asli ialah sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak, pelajar kurang motivasi, halangan oleh persekitaran fizikal dan budaya yang tidak menerima kemajuan serta cabaran guru. Bagi meningkatkan prestasi pendidikan generasi muda Orang Asli maka perlulah penyusunan semula program pendidikan untuk Orang Asli oleh semua pihak yang berwajib.

Katakunci: golongan rentan, halangan alam sekitar, motivasi pelajar, orang asli, pembangunan pendidikan, rintangan budaya

Cultural and environmental factors in the educational performance of Malaysian aboriginal children: A Kelantan case study

Abstract

Uplifting the standard of living of vulnerable groups such as the aboriginal communities has always taken centre stage in Malaysia's long struggle for inclusive and equitable development. Towards this end formal education for the aboriginal children is considered the ultimate mechanism. This article aims to identify and analyse the actual factors that influence the educational performance of the aboriginal children. The study was conducted at the School of Pos Brooke and Pos Pulat in the District of Gua Musang, Kelantan. Data for this study were obtained through field observations, questionnaire surveys and interviews of 26 school teachers and 50 aboriginal parents. In general, the results showed that the overall educational performance of the aboriginal children in the study area was very low despite the implementation of various infrastructures and educational programmes specially tailored for them. Factors influencing such a sorry state of affair had been identified to be the indifferent attitude of parents towards their children's education, the children's own lack of motivation, the impeding physical environment, and certain cultural elements that hindered the children educational development and proved gravely challenging for the teachers. To rectify the situation the educational programme for the aboriginal people would need some restructuring and tinkering by the relevant agencies and authorities.

Keywords: aborigines, children's motivation, cultural hinderance, educational development, environmental constraints, vulnerable communities

Pengenalan

Pembangunan pendidikan dipercayai dapat menjadikan sistem sosial, politik dan ekonomi sesebuah negara teguh dan digeruni oleh pihak lain (Hassan, 1998; Norizan at el., 2013). Di Malaysia, misalnya pembangunan sistem pendidikan telah dilaksanakan bertujuan melahirkan modal insan kelas dunia yang mampu berhadapan dengan cabaran era globalisasi (Ishak & Nor Asikin, 2003). Kepantasan arus globalisasi kesan daripada kepantasan teknologi dan jaringan maklumat telah memberi impak yang besar ke atas sistem pendidikan pada peringkat rendah, menengah dan tinggi (Siti Aminah at el., 2013). Pendidikan peringkat menengah dan rendah merupakan asas untuk mencapai pendidikan peringkat universiti. Pengarah Biro Pendidikan UNESCO Kawasan Asia Pasifik, Shaeffer (dalam Ishak & Nor Asikin, 2003) menyatakan bahawa peluang pendidikan harus disediakan seluas-luasnya kepada kanak-kanak untuk mendapat pendidikan yang berfokuskan kepada pendidikan asas yang boleh mengatasi isu dan cabaran masa kini.

Usaha meningkatkan taraf pendidikan dilaksanakan secara menyeluruh termasuk dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Golongan ini merupakan satu kelompok masyarakat Malaysia yang masih ketinggalan dalam setiap aspek termasuklah ekonomi, sosial dan pendidikan berbanding dengan kumpulan etnik yang lain (KKLW, 2007). Masyarakat Orang Asli di Malaysia berada di luar lingkungan arus perdana pembangunan, walaupun Malaysia sudah mengalami kemajuan dan pembangunan dalam semua sektor (Musstafa, 2003). Menurut Meiji (2008), sebelum tertubuhnya Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli (JHEOA), masyarakat Orang Asli tidak pernah menerima pendidikan formal terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Bagi Orang Asli kecekapan dan kepandaian memburu, menangkap ikan, dan mengumpul hasil hutan amat diutamakan. Keadaan ini amat sesuai dengan cara hidup mereka yang berlatar belakangkan ekonomi hutan (Adliza, 2007; Abdul Razak & Zalizan, 2009).

Kajian berkaitan sosioekonomi rakyat termiskin dan pembangunan desa sering menunjukkan tahap pendidikan keluarga miskin adalah rendah (Fong, 1991; Chamhuri, 2001). Didapati antara 65–92 peratus ketua isi rumah termiskin cuma tamat sekolah rendah dan hanya 16 peratus tamat sekolah menengah rendah (Chamhuri, 2001). Ahli isi rumah termiskin juga mempunyai tahap pendidikan yang rendah iaitu antara 29–77 peratus tamat sekolah rendah. Keluarga miskin ini adalah dalam kalangan Orang Melayu dan Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di desa dan pedalaman (Chamhuri, 2001).

Pelajar Orang Asli yang mendaftar darjah satu antara tahun 1971 sehingga 1990 ialah 47,667 tetapi hanya 18,048 orang sahaja yang belajar sehingga darjah enam (Rosmizawati, 2003). Ini bererti sebanyak 62.14 peratus daripada pelajar yang berdaftar telah tercicir. Sejumlah 94 peratus daripada mereka yang bersekolah gagal sampai ke tingkatan lima. Kajian Rosmizawati (2003) di sekolah Orang Asli iaitu Sekolah Kebangsaan Kudong, Segamat, Johor mendapati antara tahun 1995 hingga tahun 2001 tidak pernah ada pelajar yang memperolehi 5A atau 4A dalam peperiksaan UPSR. Keadaan ini menunjukkan rendahnya prestasi pelajaran dan mereka terus tercicir dalam arus pembangunan.

Sebaliknya keadaan yang agak baik telah diperhatikan di Pekan, Pahang. Kadar keciciran anak-anak Orang Asli di sekolah rendah telah turun daripada 80 peratus pada tahun 1995 kepada 28.8 peratus pada tahun 2007. Namun begitu, hanya terdapat seramai 189 orang sahaja yang berada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Wahid, 2007).

Di Malaysia usaha untuk meningkatkan pembangunan pendidikan Orang Asli telah dilakukan sejak zaman penjajah lagi. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah bertanggungjawab untuk memajukan masyarakat Orang Asli dalam pendidikan. Walaupun prestasi pendidikan masih rendah namun terdapat segelintir Orang Asli telah berjaya sehingga ke universiti dalam pelbagai peringkat pengajian dan menceburi pelbagai bidang kerjaya. Sehingga kini terdapat 25 penuntut Orang Asli sedang melanjutkan pelajaran di luar negara termasuk sembilan orang di United Kingdom, lapan di Australia dan dua di India (Unknown, 24 Jan 2014). Justeru, artikel ini cuba

menganalisis pembangunan dan perkembangan pendidikan Orang Asli di kawasan kajian. Di samping itu, artikel ini juga cuba mengenalpasti faktor yang mempengaruhi prestasi pendidikan Orang Asli dan seterusnya mengemukakan cadangan awal penambahbaikan untuk peningkatan prestasi pendidikan anak-anak Orang Asli.

Metod kajian

Pengumpulan data primer dilakukan menerusi kerja lapangan yang melibatkan kaedah persampelan rawak di kawasan kajian. Temubual responden melibatkan ketua keluarga Orang Asli. Temubual juga dilakukan dengan Pegawai JHEOA, Guru Besar dan guru-guru di sekolah yang dipilih. Temubual dijalankan berpandukan kepada borang soal selidik yang telah disediakan untuk guru dan ketua keluarga Orang Asli. Borang soal selidik untuk ketua keluarga Orang Asli merangkumi latar belakang responden dan penglibatan responden dalam pendidikan anak-anak manakala untuk guru pula meliputi latar belakang, cabaran tugas pendidik dan cadangan penambahbaikan.


Di samping itu, data primer dikumpul melalui pemerhatian dan pembancian di lapangan yang berkaitan dengan kemudahan infrastruktur pendidikan di kawasan kajian, keadaan sekolah serta asrama dan penempatan Orang Asli. Data sekunder pula diperolehi daripada pelbagai agensi kerajaan yang terlibat dengan hal ehwal Orang Asli seperti JHEOA, Jabatan Pelajaran Daerah Gua Musang dan pihak sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Pulat dan Sekolah Kebangsaan Pos Brooke. Selain itu, temubual dengan pegawai-pegawai daripada agensi kerajaan yang terlibat dengan hal ehwal Orang Asli berkaitan dengan jenis-jenis bantuan yang diberi dan program pembangunan untuk peningkatan prestasi pendidikan turut dilaksanakan. Data yang diperolehi di proses menggunakan perisian SPSS. Data dianalisis menggunakan kaedah perangkaan mudah seperti peratusan dan dihuraikan secara deskriptif.

Kawasan kajian

Kajian dijalankan di SK Pos Pulat dan SK Pos Brooke. Pos Pulat berada dalam Dun Nenggiri, Jajahan Gua Musang, Kelantan. Jarak Pos Pulat dengan bandar Gua Musang mengikut jalan tanah merah ialah 50 kilometer (Rajah 1). Di Pos Pulat terdapat tiga buah kampung iaitu Kampung Pulat, Kampung Abu dan Kampung Wias. Keseluruhan keluasan kawasan kampung dianggarkan 5 kilometer persegi. Penduduk di sini berjumlah 190 orang (Pejabat Pelajaran Daerah, 2009) dengan sebuah sekolah iaitu SK Pos Pulat dan jumlah pelajar yang berdaftar adalah seramai 79 orang. Di kampung ini terdapat juga sebuah surau dan sekolah tadika (JHEOA, 2009a).

Keseluruhan penduduk di sini memiliki rumah yang disediakan oleh JHEOA. Pada masa sekarang perjalanan dengan menaiki kereta pacuan empat roda dari bandar Gua Musang mengambil masa sejam empat puluh minit untuk sampai ke Pos Pulat berbanding dahulu yang mengambil masa tiga jam. Tetapi jalan air tidak dapat digunakan untuk berhubung dengan bandar Gua Musang walaupun Pos Pulat terletak berhampiran dengan sungai Nenggiri. Pada peringkat awal Pos Pulat adalah di kelilingi oleh hutan simpan. Bagaimanapun, semasa kajian dijalankan kawasan pinggir Pos Pulat yang berhutan telah dibersihkan untuk dijadikan Ladang Rakyat oleh Kerajaan Kelantan yang diusahakan dengan tanaman kelapa sawit.

Pos Brooke pula berada dalam kawasan Dun Galas yang merupakan kawasan terbesar bagi masyarakat Orang Asli di Jajahan Gua Musang, Kelantan (Rajah 1). Jarak kawasan ini dari Bandar Gua Musang melalui jalan raya ialah 100 kilometer manakala ke Pekan Renglet, Cameron Highlands hanya sekitar 20 km sahaja. Di Pos Brooke terdapat 19 buah kampung, antaranya Kampung Sendrop, Kampung Kuala Tahu dan Kampung Brooke. Penduduk di sini berjumlah 2254 orang (JHEOA, 2009a).



Sumber: JHEOA, 2009a

Rajah 1. Kedudukan sekolah kajian di Jajahan Gua Musang, 2009

Keseluruhan penduduk memiliki rumah yang disediakan oleh JHEOA. Kedudukan kampung di dalam kawasan Pos Brooke adalah agak jauh antara satu sama lain. Keluasan kawasan kampung dianggarkan lebih kurang 7 kilometer persegi. Kawasan kampung di sini terletak berhampiran atau di sepanjang jalan raya yang menghubungkan Bandar Gua Musang dengan kawasan peranginan Tanah Tinggi Cameron, Pahang. Oleh itu, kawasan ini mudah dihubungi walaupun pada musim hujan kerana dihubungi oleh jalan raya yang berturap. Di Pos Brooke ini terdapat SK Pos Brooke dengan jumlah pelajar berdaftar seramai 345 orang, surau, tadika dan dewan orang ramai (Pejabat Pelajaran Daerah, 2009).

Hasil kajian

Perbincangan hasil kajian ini akan dibahagikan kepada tiga aspek iaitu program pembangunan dan prestasi pendidikan Orang Asli, menganalisis faktor yang mempengaruhi prestasi pendidikan dan akhirnya mengemukakan cadangan meningkatkan prestasi pendidikan Orang Asli.

Program pembangunan dan prestasi pendidikan orang asli

Pelbagai pembangunan telah dijalankan oleh kerajaan melalui JHEOA dan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meningkatkan taraf hidup dan prestasi pendidikan Orang Asli dengan pelbagai kemudahan.

a. Pembangunan fizikal sekolah

Di SK Pos Pulat bilik darjah yang ada hanya enam buah sahaja tetapi lima buah yang boleh digunakan kerana satu daripadanya sedang dalam proses pengubahsuaian. Bagaimanapun, bilik darjah yang digunakan sekarang tidak menggunakan ukuran sebenar seperti di sekolah-sekolah lain iaitu dengan keluasan 30 x 34 kaki (JHEOA, 2009a). Oleh itu, bilik darjah yang sedia ada terpaksa diubahsuai untuk

menambah bilangan bilik darjah. Sebaliknya bilik darjah di SK Pos Brooke agak selesa dengan keluasan yang sesuai dan jumlahnya yang banyak iaitu 13 buah bilik.

Bilik darjah di kedua-dua sekolah dilengkapi dengan lampu dan kipas. Namun begitu, kemudahan ini tidak dapat digunakan kerana bekalan elektrik hanya dibekalkan pada waktu malam sahaja melalui generator dan tenaga elektrik solar. Keadaan ini mendatangkan masalah kepada guru jika ingin menggunakan bahan bantu mengajar yang memerlukan penggunaan tenaga elektrik seperti projektor transperansi, projektor LCD dan sebagainya.

Memandangkan pelajar gemar menceburkan diri dalam bidang sukan, maka pihak sekolah telah menyediakan peralatan sukan yang mencukupi bagi kegunaan mereka seperti bola jaring, bola sepak, peralatan hoki dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sekolah ini masih kekurangan dari segi tapak permainan. Misalnya, gelanggang bola jaring hanya disediakan tiang jaringnya sahaja tanpa padang bola jaring sebenar. Manakala, untuk permainan bola sepak pula, padang yang sedia ada tidak sesuai untuk mengadakan perlawanan kerana tidak menepati saiz padang sebenar.

Pada tahun 2000 sebuah asrama tiga tingkat telah dibina bagi SK Pulat mengandungi bilik komputer, surau, bilik guru dan makmal. Bagi SK Pos Brooke pula terdapat 2 bangunan asrama yang dikhaskan kepada pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Kawasan asrama ini berdekatan dengan kelas, dengan itu memudahkan pelajar hadir ke sekolah. Walau bagaimanapun, keadaan perabot, bantal dan tilam untuk pelajar adalah kotor dan koyak serta berkeadaan yang amat tidak sempurna. Hampir 90 peratus, bilik asrama pelajar tidak dilengkapi dengan katil. Oleh itu, kebanyakan pelajar tidur di atas tilam yang dibentang di atas lantai bilik sahaja.

Kedua-dua sekolah ini mewajibkan semua pelajarnya tinggal di asrama sepanjang hari persekolahan. Segala kelengkapan di asrama khususnya alatan sendiri seperti sabun, ubat gigi, berus gigi dan seumpamanya disediakan di bawah peruntukan JHEOA dengan pihak sekolah yang menguruskan pembelian barang keperluan ini sama ada di SK Pos Brooke mahupun di SK Pos Pulat (JHEOA, 2009b).

Kemudahan dan perkhidmatan untuk guru juga tidak diabaikan. Pembinaan kuarters guru bagi memudahkan guru pergi ke sekolah tanpa menyewa rumah di kawasan bandar. Di SK Pos Pulat terdapat enam unit rumah guru dan di SK Pos Brooke mempunyai 12 unit yang berada berhampiran dengan kawasan sekolah. Guru bujang atau tidak membawa keluarga bersama diminta berkongsi rumah, manakala guru yang membawa keluarga bersama diberi satu unit rumah. Keadaan ini berlaku kerana rumah guru yang disediakan tidak mencukupi untuk semua guru. Rumah guru di dua buah sekolah ini dibekalkan dengan bekalan elektrik 24 jam sehari dan bekalan air bersih yang diperolehi dari bukit berdekatan.

b. Pembangunan modal insan guru

Pembangunan modal insan guru di SK Pos Pulat dan SK Pos Brooke melalui latihan, bengkel dan kursus yang dijalankan oleh pihak JHEOA, pihak Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak sekolah sendiri adalah lebih kurang sama. Kadangkala program yang dijalankan adalah program bersama. Kajian juga mendapati pihak sekolah sering menghantar guru untuk kursus anjuran JHEOA dan Pejabat Pelajaran Daerah Gua Musang bertujuan meningkatkan prestasi guru seperti kursus komputer, teknik-teknik pengajaran yang berkesan dan sebagainya. Guru yang mengajar Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris juga dibekalkan dengan komputer riba. Pejabat Pelajaran Daerah dan JHEOA tidak ketinggalan mengadakan kursus motivasi bagi meningkatkan motivasi guru. Lazimnya kursus motivasi dijalankan sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Kursus ini biasanya dijalankan di luar kawasan Jajahan Gua Musang seperti di Kota Bharu, Kelantan.

Di samping itu, pihak JHEOA dan Pejabat Pendidikan Daerah juga mengadakan kursus untuk guru memahami adat dan kebudayaan Orang Asli. Kursus ini diutamakan kepada guru yang baru mengajar di sekolah Orang Asli di dalam Jajahan Gua Musang. Antara program bersama yang telah dijalankan termasuklah kursus pemahaman Bahasa Temiar dan pendedahan dan pemahaman budaya dan adat resam Orang Asli.

c. Program motivasi ibu bapa dan kemahiran belajar

Program berbentuk motivasi kerap diadakan pada hari terbuka yang melibatkan pelajar dan ibu bapa seperti Majlis Motivasi Keibubapaan. Dalam program ini, ibu bapa diminta lebih mengambil berat tentang pelajaran anak-anak dan tidak mengabaikan masa depan anak-anak. Kehadiran ibu bapa sedikit sebanyak dapat memberi pendedahan berkaitan ilmu dalam mendidik anak-anak mereka. Dorongan dan perhatian ibu bapa begitu penting dalam memastikan kecemerlangan anak-anak dalam pendidikan (Hanafiah, 1997).

Program motivasi kepada pelajar juga sering dijalankan terutama kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR. Program ini bertujuan menanamkan kesedaran dan menaikkan semangat pelajar khususnya pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR. Program sedemikian ini adalah sama sebagaimana yang dilaksanakan dan diamalkan di sekolah-sekolah kebangsaan biasa di seluruh Malaysia.

Program klinik UPSR dan ceramah teknik menjawab soalan dijalankan bersama antara pihak sekolah, JHEOA dan Pejabat Pelajaran Daerah. Pihak sekolah juga sering mengadakan program bersendirian untuk pelajar mereka sahaja. Program ini memberi pendedahan kepada para pelajar yang terlibat cara atau teknik menjawab soalan peperiksaan dengan betul. Bagi menjayakan program ini, pihak sekolah menjemput guru berpengalaman dan merupakan seorang pemeriksa kertas peperiksaan untuk memberikan panduan menjawab dengan cara yang betul di samping guru-guru yang sedia ada di sekolah berkenaan.

Di samping itu, terdapat 'Program Nilam' yang turut membantu meningkatkan prestasi para pelajar dari segi pembacaan. Program ini melibatkan semua pelajar yang dikehendaki membaca sepuluh minit pada waktu rehat di pondok ilmu. Bagi memastikan pelajar melaksanakannya guru yang bertugas harian akan memantau dan mengawasinya.

Selain itu, pihak sekolah turut menganjur program lawatan sambil belajar ke sekolah-sekolah cemerlang seperti Sekolah Menengah Tengku Faris Petra, Sri Puteri Putrajaya dan sebagainya. Bagi tujuan mendedahkan pelajar kepada suasana metropolitan, pelajar turut dibawa melawat ke bandar-bandar besar. Sebagai contoh, SK Pos Pulat telah membawa pelajarinya melawat Bandaraya Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Program sedemikian ini diharap dapat mendedahkan pelajar kepada alam sekitar luar daripada lingkungan hidup mereka. Seterusnya, diharapkan dapat membuka minda mereka dan boleh meningkatkan prestasi pembelajaran mereka di masa hadapan.

d. Bantuan kewangan

Jadual 1 menunjukkan beberapa bentuk bantuan dan program pembangunan yang dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi pendidikan pelajar Orang Asli. Pihak JHEOA telah memberi bantuan wang saku kepada setiap pelajar anak-anak Orang Asli sebanyak RM2.00 sehari. Pada tahun 2008 sebanyak RM97,648.00 telah dibelanjakan untuk wang saku pelajar (JHEOA, 2009b). Selain itu, mereka juga telah diberi bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) untuk memastikan pelajar menerima makanan yang berzat dan berkhasiat. Makanan berkhasiat amat penting untuk memastikan pelajar dapat belajar dengan berkesan dan aktif. Di samping itu, hampir 100 peratus pelajar anak-anak Orang Asli menerima bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) iaitu sebanyak RM600.00 setahun bertujuan untuk memastikan pelajar cemerlang dalam pendidikan. Pihak JHEOA telah menyediakan peruntukan tahunan untuk perkembangan pendidikan Orang Asli pada tahun 2003 sebanyak RM1,233,000 dan peruntukan ini meningkat kepada RM 1,239,000 pada tahun 2007 (JHEOA, 2009b).

Jadual 1. Program Pembangunan dan Prestasi Pendidikan Orang Asli

Pembangunan fizikal sekolah	Pembangunan modal insan guru	Program motivasi ibubapa dan pelajar	Program kemahiran belajar	Bantuan kewangan
Pengubah suaian bilik darjah agar kondusif	Kursus pendidikan	Motivasi keibubapaan	Klinik UPSR	Bantuan wang saku
Pembinaan bangunan asrama Bilik komputer	Bekal komputer riba. Kursus motivasi	Motivasi belajar untuk pelajar	Program Nilam Program lawatan sambil belajar	Rancangan makanan tambahan Bantuan KWAPM
Rumah guru				Bantuan pembelian alat persekolahan.

Sumber: Kerja lapangan 2009

Analisis keputusan peperiksaan UPSR

Pencapaian pelajar anak-anak Orang Asli dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah adalah gambaran prestasi pendidikan sekolah Orang Asli. Keputusan UPSR bagi tempoh 2004 hingga 2008 dilihat berdasarkan kelulusan am.

a. Analisis keputusan UPSR Sekolah Kebangsaan Pulat dan Sekolah Kebangsaan Pos Brooke

Jadual 2 menunjukkan peratusan prestasi pencapaian peperiksaan UPSR pelajar anak Orang Asli dari tahun 2004 hingga 2008 bagi kedua-dua sekolah yang dikaji. Didapati prestasi pelajar anak-anak Orang Asli dalam keputusan UPSR amatlah lemah. Bermula tahun 2004 dan tahun 2005 tidak ada seorang pun pelajar yang lulus dalam UPSR di kedua-dua buah sekolah yang dikaji. Tetapi pada tahun 2006 telah berlaku perubahan dengan 12.5 peratus pelajar telah lulus dalam UPSR di SK Pos Pulat. Peratusan lulus terus meningkat dalam tahun 2007 kepada 42.9 peratus. Keadaan ini menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu melebihi 100 peratus. Namun keadaan ini tidak kekal, sebaliknya peratusan ini terus merudum kepada tidak ada seorang pun yang lulus dalam UPSR pada tahun 2008. Pencapaian peperiksaan UPSR pelajar SK Pos Brooke tidak jauh bezanya dengan pencapaian pelajar di SK Pos Pulat dalam tempoh yang sama (Jadual 2). Bagaimanapun, pencapaian prestasi peperiksaan UPSR di SK Pos Brooke menunjukkan sedikit meningkat daripada kosong peratus pada tahun 2006 ke 2.4 peratus pada tahun 2007. Pencapaian pelajar terus meningkat pada tahun berikutnya menjadi 7.4 peratus. Walau bagaimanapun, dalam tempoh empat tahun kajian (2004 – 2008) SK Pos Pulat telah menunjukkan peningkatan prestasi pelajar yang ketara iaitu 11.1 peratus berbanding dengan SK Pos Brooke yang hanya mencapai 2.0 peratus. Ini berlaku antara tahun 2006 dan tahun 2007. Tetapi peningkatan ini tidak dapat dikekalkan pada tahun 2008 kerana pencapaian prestasi kembali menurun (kosong peratus).

Jadual 2. Peratusan pencapaian UPSR tahun 2004 sehingga tahun 2008 di SK Pos Pulat dan SK Pos Brooke

Bil	Sekolah /Tahun	2004	2005	2006	2007	2008	Purata 5 tahun
1.	SK Pos Pulat	0	0	12.5	42.9	0	11.1
2.	SK Pos Brooke	0	0	0	2.4	7.4	2.0

Sumber: Kerja lapangan 2009

Umumnya, perubahan yang besar ini berlaku mungkin hasil daripada program yang telah dilaksanakan oleh semua pihak dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar Orang Asli dalam pendidikan. Kajian mendapati bermula tahun 2004 sehingga tahun 2006 tidak ada seorang pun pelajar Orang Asli di SK Pos Brooke yang lulus dalam peperiksaan UPSR. Namun, pada tahun 2007

dan tahun 2008 terdapat pelajar yang lulus dalam peperiksaan UPSR. Usaha yang berterusan juga perlu dilakukan oleh semua pihak dalam meningkatkan pencapaian pelajar Orang Asli dalam pendidikan.

Faktor prestasi pendidikan anak-anak orang asli

Menurut pandangan guru yang di temubual, faktor yang mempengaruhi prestasi pendidikan anak-anak Orang Asli di kawasan kajian ialah peranan ibu bapa, masalah sendiri pelajar, persekitaran fizikal dan budaya (Jadual 3). Kajian juga mendapati, cabaran dan peranan guru turut mempengaruhi prestasi pendidikan Orang Asli.

Jadual 3 menunjukkan faktor yang mempengaruhi prestasi pendidikan anak-anak Orang Asli di kedua-dua sekolah yang dikaji. Didapati sebahagian besar guru berpendapat bahawa faktor sendiri pelajar memainkan peranan penting dalam menentukan dan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pendidikan. Manakala faktor infrastruktur hanya sedikit sahaja mempengaruhi prestasi pendidikan anak-anak Orang Asli. Keadaan ini adalah sama di kedua-dua buah sekolah yang dikaji berdasarkan pandangan guru.

Jadual 3. Faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam pelajaran mengikut pandangan guru di SK Pos Pulat dan SK Pos Brooke, 2009

Faktor	Pos Brooke		Pos Pulat		Keseluruhan	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Pesekitaran fizikal	4	25	2	33.3	6	27.3
Kendiri Pelajar	6	37.5	1	16.7	7	31.8
Sosio Budaya dan Ekonomi Keluarga	4	25	2	33.3	6	27.3
Infrastruktur	2	12.5	1	16.7	3	13.6

Sumber: Kerja lapangan 2009

Berdasarkan dapatan kajian ini maka perlu ada sesuatu usaha dalam menangani isu rendahnya prestasi anak-anak Orang Asli dalam peperiksaan UPSR pada setiap tahun. Langkah penting mengubah sikap dan sifat keperibadian anak-anak Orang Asli ke arah lebih bermotivasi dan mementingkan pendidikan. Hal ini adalah perlu untuk meningkatkan prestasi pencapaian pendidikan anak-anak Orang Asli setanding dengan atau menghampiri pencapaian prestasi peperiksaan UPSR di sekolah kebangsaan biasa.

a. Faktor peranan ibu bapa terhadap prestasi pendidikan anak-anak

Ibu bapa berperanan dalam mempengaruhi prestasi pendidikan anak-anak terutamanya di peringkat awal pendidikan ataupun di sekolah rendah. Bagaimanapun, ibu bapa Orang Asli kurang memainkan peranan ke arah kejayaan pelajaran anak-anak mereka. Ramai dalam kalangan ibu bapa Orang Asli langsung tidak mendapat pendidikan formal manakala hanya sebahagian kecil mendapat pendidikan hanya setakat sekolah rendah itupun sampai tahun tiga sahaja. Kebanyakan ibu bapa Orang Asli berkahwin muda yang menyebabkan mereka kurang dengan ilmu kekeluargaan.

Dorongan dan semangat daripada ibu bapa amat diperlukan oleh pelajar bagi meningkatkan motivasi untuk belajar dengan menyediakan persekitaran pembelajaran di rumah. Menurut Wan Hafizul, (temubual 23/04/09) ibu bapa tidak memarahi anak-anak sekiranya tidak hadir ke sekolah. Sebaliknya, ibu bapa diam kerana anak yang tidak bersekolah dapat menolong melakukan kerja rumah atau mengikut mereka ke hutan untuk mengumpul hasil hutan. Ibu bapa menyerahkan 100 peratus pendidikan anak-anak mereka kepada pihak sekolah. Mereka juga tidak mengambil berat tentang keputusan peperiksaan yang dihasilkan

oleh anak-anak dalam pelajaran. Ibu bapa juga tidak menyarankan atau menyuruh anak-anak belajar sewaktu berada di rumah (Jadual 4). Dalam keadaan sedemikian ini, maka tidak berlaku proses pendidikan atau pembelajaran di rumah. Ibu bapa juga tidak memberi cadangan khusus untuk meningkatkan pendidikan anak-anak mereka. Mereka memohon bantuan kewangan daripada kerajaan, tetapi bantuan kewangan itu bukanlah digunakan untuk pendidikan anak-anak tetapi lebih kepada perbelanjaan harian. Keadaan ini adalah dipengaruhi oleh tahap pendidikan ibu bapa itu sendiri.

Jadual 4. Keprihatinan ibu bapa terhadap pelajaran anak mereka

Peranan ibu bapa	Pos Brooke		Pos Pulat		Keseluruhan	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Bertanya tentang pelajaran anak-anak dengan guru.	3	12	2	8	5	10
Bertanya kepada anak-anak tentang pelajaran mereka.	4	16	3	12	7	14
Menyemak buku pelajaran anak-anak.	3	12	0	0	3	6

Sumber: Kerja lapangan 2009

Kebanyakan ibu bapa kurang meluangkan masa untuk anak-anak seperti memeriksa atau menanya kerja sekolah anak-anak, jauh sekali membeli bahan-bahan bacaan. Ibu bapa sendiri kurang terdedah kepada alam pendidikan suatu ketika dahulu. Malah, ibu bapa tidak pernah membayangkan anak-anak mereka akan menjadi seorang yang berjaya suatu hari nanti. Sebaliknya, mereka sekadar mengharapkan anak-anak mereka dapat membaca dan memperolehi pendidikan yang lebih baik daripada diri mereka sahaja.

Menurut pandangan guru yang ditemubual, dorongan daripada ibu bapa merupakan faktor penting dalam mempengaruhi pencapaian prestasi pelajar Orang Asli di SK Pos Pulat dan SK Pos Brooke. Malahan dorongan dan sokongan daripada ibu bapa terhadap pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh amat diperlukan. Ibu bapa seharusnya memberi nasihat dan semangat kepada anak-anak mereka supaya belajar dengan tekun dan bersungguh-sungguh.

b. Faktor pelajar

Pelajar juga merupakan faktor penting dalam menentukan pencapaian pelajaran. Walaupun pelbagai perubahan dan pembaharuan telah dilaksanakan, namun kemajuan pendidikan tidak akan tercapai sekiranya pelajar itu tidak mahu berubah untuk berjaya. Dalam kajian ini terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenalpasti seperti pelajar kurang motivasi dan masalah dalam pembelajaran.

Menurut pandangan guru yang ditemubual, faktor motivasi pelajar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian prestasi pelajar. Mereka merasakan pelajaran kurang penting dalam kehidupan mereka. Rata-rata mengatakan bahawa Ibu bapa mereka masih dapat hidup dengan 'baik' walaupun tidak berpelajaran tinggi. Kemahiran tentang selok-belok hutan adalah lebih penting dalam kehidupan mereka. Oleh kerana itu, pelajar Orang Asli tidak belajar dengan bersungguh-sungguh.

Kehadiran pelajar ke sekolah amat penting supaya mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran kerana sukatan pelajaran yang diajar berbeza dan bertambah hari ke hari. Sekiranya pelajar tidak hadir ke sekolah sudah pasti mereka tercicir dalam pelajaran. Keadaan ini sudah pasti akan mempengaruhi pencapaian prestasi pelajaran mereka. Sesetengah pelajar hampir sebulan tidak ke sekolah kerana tidak mahu belajar, menjaga adik di rumah sementara ibu bapa bekerja dan mengikut ibu bapa ke hutan untuk mengumpul hasil hutan (Wan Hafizul, temubual 22/04/09).

Kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembelajaran ialah masalah berkomunikasi. Pelajar Orang Asli kurang faham dengan penerangan yang diberikan oleh guru dalam Bahasa Melayu

semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Sesetengah istilah harus diterangkan dalam Bahasa Orang Asli oleh guru bagi membolehkan pelajar faham.

Secara keseluruhannya, faktor pelajar sendiri merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi kejayaan mereka dalam pendidikan. Anak Orang Asli telah dibentuk dan diprogram sejak daripada lahir lagi mengikut persekitaran dan budaya Orang Asli. Pendedahan persekitaran yang sedemikian ini menyebabkan perjalanan kehidupan mereka mengikut kelaziman dan sukar untuk diubah dan dibentuk.

c. Faktor persekitaran dan budaya

Faktor persekitaran dan budaya mempengaruhi pencapaian prestasi pelajar Orang Asli di SK Pos Pulat dan SK Pos Brooke. Kehidupan Orang Asli amat terikat dengan persekitaran mereka iaitu hutan yang merupakan sumber rezeki yang utama. Antara faktor persekitaran dan budaya yang dikenalpasti termasuklah faktor sosioekonomi, tiada tokoh berjaya dan tiada persaingan positif.

Kajian ini mendapati kegiatan ekonomi mereka masih lagi tertumpu kepada aktiviti tradisional seperti mencari hasil hutan dan pertanian saradiri. Ramai dalam kalangan pelajar ponteng sekolah semata-mata untuk mengikut ibu bapa mereka mencari hasil hutan. Perkara ini sukar untuk dibendung kerana mencari hasil hutan merupakan salah satu sumber kewangan kepada mereka untuk perbelanjaan harian mahu pun persekolahan. Oleh kerana terlalu kerap tidak hadir ke sekolah, mereka banyak ketinggalan dalam pembelajaran. Komuniti Orang Asli di sini berpuashati apa yang mereka dapat sekarang berbanding dengan apa yang diperolehi pada masa akan datang. Oleh sebab itu, ibu bapa kurang mementingkan pendidikan untuk anak-anak mereka.

Mereka merasakan pelajaran tidak memberi kemahiran untuk kegunaan dalam kehidupan sekarang. Keadaan kehidupan mereka tidak memerlukan pendidikan yang tinggi dan tidak wujud persaingan yang kuat dalam meneruskan kehidupan. Oleh itu, kehidupan yang dinikmati sekarang sudah selesai bagi mereka, dengan kata lain mereka berada dalam “zon selesa”.

Selain itu, model atau tokoh merupakan seorang yang penting untuk menjadi sumber aspirasi dan boleh mempengaruhi minat seseorang untuk berjaya. Walau bagaimanapun, tidak terdapat ‘role model’ atau orang yang telah berjaya sebagai contoh untuk mereka tauladan dalam mencapai kejayaan. Tambahan lagi, ibu bapa dan pelajar itu sendiri tidak mengetahui kelebihan orang yang berpendidikan tinggi dan hasil daripada kejayaan mereka. Kajian mendapati hanya dua peratus sahaja anak-anak Orang Asli yang bekerja dalam sektor awam, manakala 98.0 peratus bekerja sendiri sebagai petani dan mengumpul hasil hutan.

Dalam kajian ini, didapati majoriti pelajar di SK Pos Pulat dan SK Pos Brooke terdiri daripada komuniti Orang Asli sahaja. Suasana pembelajaran tidak begitu mencabar dan persaingan untuk berada di tempat teratas adalah kurang. Kemungkinan ketiadaan kaum Melayu, Cina atau India dan lain-lain menyebabkan tiada saingan kepada mereka untuk berlumba-lumba mencapai keputusan yang lebih cemerlang dan menduduki tempat teratas. Menurut pandangan Wan Badaruddin, pegawai PPD Gua Musang (temubual 21/04/09), proses pembelajaran bagi pelajar Orang Asli hanyalah sebagai memenuhi tuntutan kehidupan yang ditetapkan oleh kerajaan dan bukanlah satu matlamat yang penting bagi menjamin masa depan mereka. Attitud yang sedemikian inilah yang menyebabkan anak-anak Orang Asli tidak berminat untuk bersekolah. Malahan, mereka hanya bersekolah setakat darjah tiga atau tidak akan menamatkan alam persekolahan peringkat rendah.

d. Faktor cabaran guru mempengaruhi prestasi pendidikan Orang Asli

Jadual 5 menunjukkan pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan kualiti akademik murid yang dihadapi oleh guru di SK Pos Pulat dan SK Pos Brooke. Kedudukan SK Pos Pulat yang jauh di pedalaman dan mempunyai jalan perhubungan yang amat terhad dan daif menjadi satu cabaran kepada guru. Jalan raya yang ada hanya lorong lori balak yang bertanah merah, sekiranya musim hujan jalan tersebut tidak dapat digunakan dan amat membahayakan kepada penggunaanya. Dalam keadaan sedemikian ini maka sekolah terputus hubungan dengan dunia luar. Keadaan berbeza sedikit dengan SK Pos Brooke yang boleh

dihubungi sepanjang masa kerana berada di tepi jalan raya utama Gua Musang ke Tanah Tinggi Cameron di Pahang. Ke dua – dua pos juga tidak mempunyai kemudahan telefon awam dan rangkaian telefon mudah alih.

Jadual 5. Cabaran guru SK Pos Pulat dan SK Pos Brooke dalam mendidik pelajar Orang Asli, 2009

Jenis Cabaran	Pos Brooke		Pos Pulat		Keseluruhan	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Masalah perhubungan dan pengangkutan terhad	0	0	1	16.7	1	4.5
Meningkatkan motivasi pelajar	13	81.3	4	66.7	17	77.2
Mengurangkan masalah komunikasi	9	56.3	4	66.7	13	59
Mengurangkan berpegang pada adat	1	6.3	2	33.3	3	13.6
Mempelbagaikan ABM yang terhad	1	6.3	2	33.3	3	13.6
Mengaktifkan penglibatan ibu bapa dalam PIBG	4	25	0	0	4	18.2
Menyesuaikan sukatan pelajaran	5	31.3	0	0	5	22.7
Memaksimumkan kehadiran pelajar	6	37.5	0	0	6	27.3
Optimumkan penggunaan kemudahan asas yang terhad	2	12.5	0	0	2	9.1

Sumber: Kerja lapangan 2009

Biasanya guru jarang membawa keluarga untuk tinggal bersama kerana terlalu kurang kemudahan asas. Kadangkala keluarga juga tidak mahu ikut bersama kerana tidak sanggup menghadapi cabaran. Keadaan ini menyukarkan guru berhubung dengan keluarga terutama sekiranya berlaku kecemasan. Dalam keadaan inilah guru memerlukan ketabahan dan jatidiri yang kuat dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Sekiranya, seseorang guru tidak mempunyai jatidiri yang tinggi, maka ia boleh memberi kesan kepada pembelajaran pelajar sehingga boleh mempengaruhi prestasi pelajar.

Guru juga terpaksa mengorbankan kehidupan bersosial seperti hiburan, makan minum di restoran, rehat di taman atau pusat membeli belah, bertemu saudara-mara dan sebagainya. Keadaan ini berlaku disebabkan di kedua-dua pos tidak mempunyai kemudahan tersebut. Kehidupan bersosial ini hanya dapat dilakukan oleh guru apabila balik kampung semasa cuti persekolahan. Keadaan ini memerlukan guru pasrah dan menerima seadanya keadaan di tempat mereka bertugas. Sekiranya guru tidak pasrah, maka ia akan mengganggu prestasi guru dan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pendidikan.

Selain itu, guru juga menghadapi cabaran memahami adat dan budaya Orang Asli. Komuniti Orang Asli sangat berpegang kuat kepada adat dan budaya nenek moyang mereka. Guru perlu memahami adat dan budaya Orang Asli supaya tidak melanggar adat dan budaya mereka. Sekiranya program yang dilaksana melanggar adat dan budaya mereka program tersebut sudah pasti tidak mendapat sambutan seperti menyediakan makanan dengan daging rusa, kijang dan kancil. Penerimaan guru ke dalam komuniti Orang Asli memudahkan proses komunikasi antara mereka. Apabila guru diterima, segala program dan aktiviti yang dilaksanakan akan mendapat sambutan daripada komuniti Orang Asli dan berjaya.

Cabaran selanjutnya ialah memahami anak-anak Orang Asli apa yang diajar. Pelajar Orang Asli kurang memahami penerangan yang dibuat oleh guru dalam Bahasa Melayu dan sesetengah istilah sukar difahami oleh pelajar. Masalah ini timbul kerana penguasaan Bahasa Melayu oleh anak-anak Orang Asli adalah agak lemah. Pelajar menggunakan Bahasa Melayu hanya semasa berada di sekolah khususnya untuk berhubung dengan guru sahaja. Apabila berhubung dengan kawan-kawan mereka tetap menggunakan dialek dan bahasa tempatan. Semasa berada di rumah, komunikasi antara sesama mereka

juga tetap menggunakan dialek dan bahasa tempatan. Keadaan ini menyebabkan pelajar Orang Asli lemah penguasaan dalam menguasai Bahasa Melayu.

Guru terpaksa mengulangi penerangan sesuatu perkara berulang-kali dan dalam sesetengah keadaan guru terpaksa memberi penerangan sesuatu istilah dalam dialek bahasa tempatan. Oleh sebab itu, guru terpaksa mempelajari dialek bahasa tempatan atau Bahasa Orang Asli bagi memudahkan proses pengajaran bagi memastikan pelajar faham perkara yang diajar.

Keadaan menjadi serius kerana kebanyakan mereka tidak aktif di dalam kelas semasa sesi pembelajaran dan ketika diajukan soalan. Situasi ini menyebabkan guru tidak dapat menilai sama ada pelajar berkenaan faham apa yang diajar atau sebaliknya. Malahan, kajian mendapati guru juga tidak dapat menegur pelajar dengan nada yang tinggi kerana mudah merajuk dan menyebabkan kerap tidak hadir ke sekolah. Menurut Samsani (temubual 22/04/09), kebanyakan pelajar sukar untuk menceritakan masalah yang dihadapi kepada guru. Oleh kerana itu, para guru tidak mengetahui dan tidak memahami masalah yang dihadapi oleh mereka. Dalam keadaan ini, maka tindakan susulan untuk membantu pelajar tidak dapat dilakukan.

Cabaran lain yang dihadapi oleh guru adalah kurangnya motivasi dalam kalangan anak-anak Orang Asli. Pelajar Orang Asli lebih suka bermain dan kurang memberi tumpuan serta perhatian ketika guru sedang mengajar. Menurut Wan Hafizul (temubual 22/04/09) aktiviti yang paling digemari pelajar Orang Asli ialah bersukan dan menyanyi berbentuk karaoke. Pelajar sering meminta untuk melakukan aktiviti berkenaan tanpa mengira waktu belajar atau sebaliknya. Ini menyebabkan sesi pembelajaran di dalam kelas selalu terganggu, dan dengan itu seterusnya akan memberi kesan terhadap prestasi pelajaran mereka.

Kes ponteng sekolah dalam kalangan pelajar turut mengundang masalah kepada pihak sekolah khususnya dan guru amnya. Menurut seorang guru iaitu En. Latif Bin Mat (temubual 22/04/09) masalah pelajar yang sering tidak hadir ke sekolah telah menjejaskan prestasi pembelajaran mereka kerana tertinggal atau terkebelakang dalam proses pembelajaran.


Guru juga menghadapi cabaran berkaitan dengan sukatan pelajaran. Masalah ini timbul kerana sukatan pelajaran yang diajar kepada pelajar Orang Asli adalah sama dengan pelajar di sekolah biasa sedangkan kebolehan pelajar Orang Asli jauh berbeza dengan kaum-kaum lain di Malaysia. Pengurusan kebersihan sendiri pun tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Menurut Wan Badaruddin, Pegawai PPG Gua Musang, tahap IQ dan kebolehan pelajar Orang Asli jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan pelajar Melayu, Cina dan India (Temubual 21/04/09). Pelajar merasakan sesuatu perkara yang diajar oleh guru amat asing dan sukar untuk diterima dalam budaya mereka. Keadaan ini menyebabkan guru sukar untuk mendidik dan memberi kefahaman yang jitu kepada pelajar.

Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) turut memberi cabaran kepada guru. Prestasi pencapaian pelajar turut dipengaruhi oleh sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang pembelajaran anak-anak mereka. Kehadiran ibu bapa ke mesyuarat PIBG bukan kerana pelajaran anak sebaliknya kehadiran mereka kerana pihak sekolah mengadakan jamuan makan untuk ibu bapa. Menurut Guru Penolong Kanan I dari SK Pos Brooke (temubual 22/04/09), sekiranya ingin mengadakan sesuatu program yang memerlukan kehadiran ibu bapa, pihak sekolah harus mengadakan jamuan. Sekiranya tidak ada jamuan sudah pasti kehadiran ibu bapa amat mengecewakan.

Masalah pertukaran guru turut menjadi satu situasi yang perlu dihadapi oleh guru. Menurut Wan Badaruddin pegawai PPD Gua Musang (temubual 21/04/09) guru yang berkhidmat di sekolah Orang Asli sukar untuk ditukarkan ke sekolah lain. Permohonan guru untuk bertukar sekolah akan hanya dipertimbangkan selepas guru berkhidmat minimum lima tahun di sekolah-sekolah kebangsaan Orang Asli. Cabaran ini terpaksa ditempuhi oleh guru sekolah Orang Asli kerana sukar untuk mendapatkan pengganti. Kajian mendapati tidak ramai guru yang sanggup mengajar di sekolah Orang Asli terutama yang jauh di pedalaman. Dijangkakan apabila keadaan ini berlarutan, kemungkinan besar motivasi guru untuk memberi perkhidmatan yang baik akan berkurangan. Justeru, ia boleh menjejaskan prestasi pelajar Orang Asli apabila guru bersifat mengajar sambil lewa sahaja.

Cadangan peningkatan prestasi pendidikan anak-anak orang asli

Kajian ini telah mengenalpasti pelbagai faktor yang menyumbang kepada rendahnya prestasi pendidikan anak-anak Orang Asli. Rajah 2 merumuskan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pendidikan Orang Asli. Berdasarkan faktor tersebut, cadangan penambahbaikan dikemukakan dengan megambilkira pandangan dan pendapat JHEOA, PPD Gua Musang dan pihak guru (Jadual 6).



Rajah 2. Faktor yang mempengaruhi prestasi pendidikan Orang Asli

Jadual 6. Cadangan untuk meningkatkan pencapaian prestasi pelajar - pandangan guru

Jenis cadangan	Pos Brooke		Pos Pulat		Keseluruhan	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Memaksimumkan kelas tambahan	0	0	1	16.7	1	4.5
Meningkatkan motivasi kepada pelajar	10	62.5	2	33.3	12	54.5
Meningkatkan kemudahan perhubungan	2	12.5	2	33.3	4	18.2
Hantar guru yang berkualiti tinggi	0	0	3	50	3	13.6
Latih tubi yang cukup	0	0	1	16.7	1	4.5
Pembelajaran dan pengajaran berkesan	5	31.3	1	16.7	6	27.3
Meningkatkan motivasi kepada ibubapa	7	43.7	1	16.7	8	36.4
Mengurangkan masalah komunikasi	2	12.5	1	16.7	3	13.6
Mewujudkan sukatan pelajaran khas	5	31.3	0	0	5	22.7
Mempelbagaikan kemudahan ABM	2	12.5	0	0	2	9.1
Pendedahan dunia luar	4	25	0	0	4	18.2
Kebajikan guru dijaga	3	18.7	0	0	3	13.6

Sumber: Kerja lapangan 2009

Salah satu aspek yang perlu diberi perhatian dalam meningkatkan prestasi pelajar Orang Asli ialah aspek pemahaman adat dan budaya Orang Asli. Komuniti Orang Asli memang terkenal dengan pegangan

kepada adat dan budaya yang kuat. Oleh itu, bagi pihak yang terlibat dengan komuniti Orang Asli tidak mencampuri dan melanggar adat dan budaya mereka bagi memastikan tidak berlaku konflik. Perkara ini amatlah penting bagi menjamin kejayaan sesuatu program yang dilaksanakan untuk pembangunan komuniti Orang Asli.

Sehubungan dengan ini, seharusnya guru atau pegawai yang berkhidmat di kawasan komuniti Orang Asli diberi kursus dan latihan dalam memahami adat dan budaya mereka. Latihan dan kursus yang diikuti oleh guru sebaik-baiknya membolehkan guru boleh berbahasa Orang Asli atau sekurang-kurangnya tahu dan memahami adat dan budaya mereka. Pihak Kementerian Pelajaran juga boleh menyerapkan guru terlatih daripada lepasan Institut Pendidikan Guru atau universiti yang terdiri daripada kalangan komuniti Orang Asli itu sendiri untuk ditugaskan di sekolah berkenaan. Menurut Rimien Ali pegawai JHEOA (temubual 20 /12/13) setakat ini di Kelantan terdapat lebih kurang 15 orang pelajar Orang Asli sedang mengikuti kursus dalam bidang perguruan. Guru ini boleh dijadikan “role model” atau tokoh yang telah berjaya dari kalangan komuniti Orang Asli yang lebih tahu dan memahami budaya dan adat komuniti Orang Asli.

Di samping itu, program motivasi untuk ibu bapa dan pelajar Orang Asli perlu diperkemas dan dimajukan. Anak-anak Orang Asli perlukan bimbingan dan motivasi untuk memajukan diri mereka serta meyakinkan kemampuan mereka. Semua kemudahan yang diperlukan telah disediakan oleh pihak kerajaan tetapi mereka hanya perlu bimbingan yang mampu meyakinkan mereka dengan kepentingan pendidikan supaya pendidikan mereka selari dan setanding dengan bangsa-bangsa lain di kawasan bandar.

Selain itu, kempen kesedaran dan motivasi dalam kalangan Orang Asli boleh diadakan untuk memberi motivasi kepada ibu bapa Orang Asli supaya mementingkan pendidikan anak mereka. Dengan adanya program ini boleh menghapuskan pemikiran negatif masyarakat Orang Asli terhadap pendidikan. Di samping itu, pelancaran Kelas Dewasa Asli Penam (KEDAP) yang telah dilancarkan pada tahun 2008 telah mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan Orang Asli (PPD 2009). Malahan kelas itu adalah sebahagian wahana untuk membantu golongan ibu bapa di dalam pendidikan asas iaitu mengira, menulis dan membaca. Justeru, program ini perlu diteruskan dan diperbaiki dari masa ke semasa.

Rumusan dan kesimpulan

Pencapaian pendidikan merupakan ukuran dan jalan bagi merealisasikan impian untuk hidup lebih cemerlang dan berjaya. Namun untuk mencapai kejayaan yang sedemikian di dalam pendidikan memerlukan usaha yang gigih dan berterusan yang melibatkan semua Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Kementerian Pendidikan Malaysia, walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Sehubungan dengan itu, isu persekitaran, kurang dorongan ibu bapa, pelajar kurang motivasi dan sebagainya perlu ditangani. Begitu juga dengan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mendidik pelajar Orang Asli perlu di atasi dan dipandang serius. Tanggapan komuniti Orang Asli menolak kemajuan, sukar diubah atau tidak mahu berubah, lemah dalam pemikiran dan primitif adalah kurang tepat. Kajian mendapati sekiranya usaha dirancang dan dilaksanakan dengan betul dan teratur, pemikiran dan tanggapan orang asli boleh diubah dan diperbaiki.

Kegigihan guru mendidik dan membantu pelajar anak-anak orang asli perlu sentiasa bersabar secara berterusan, tanpa penat dan jemu. Keadaan bertambah baik sekiranya jalan perhubungan dan komunikasi dapat diperbaiki dan ditingkatkan mutunya.

Di samping itu, formula atau faktor kejayaan segelintir anak-anak orang asli yang berjaya harus dijadikan tauladan dan dipraktikkan kepada semua pelajar Orang Asli bagi meningkatkan pencapaian pendidikan mereka. Usaha untuk memajukan Orang Asli dalam pendidikan perlu dilestari dan ditingkatkan. Pendidikan merupakan senjata utama dalam memajukan sesuatu kaum pada masa kini. Masalah keciciran pelajar Orang Asli ini begitu ketara sehingga Perdana Menteri Malaysia sendiri memandang serius masalah ini (Unknown 24 Jan 2014). Justeru, diharapkan pelbagai pihak semestinya bekerjasama dalam mengatasi masalah dan cabaran ini untuk memastikan pencapaian prestasi dan

pembangunan pendidikan pelajar Orang Asli terus meningkat dan setanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia.

Rujukan

- Abdul Razaq Ahmad, Zalizan Mohd Jelas (2009) *Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Penerbit UKM, Bangi. pp.47–58.
- Adliza Othman (2007) *Hubungan etnik* [cited 2/2/2009]. Available from: http://www.slideshare.net/finaz_fbi/hubunganetnik.
- Chamhuri Siwar (2001) *Pembangunan mapan: Strategik menang-menang untuk pembasmi kemiskinan dan pemulihan alam sekitar*. Penerbit UKM, Bangi.
- Fong Chan Onn (1991) *Dinamo ekonomi baru: Struktur dan peluang pelaburan di Malaysia*. Penerbit Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hassan Mat Nor (1998) Warga pribumi menghadapi cabaran pembangunan. In: Hassan Ishak (ed) *Orang Asli dan cabaran pembangunan masa kini: Usaha dan tindakan yang direncanakan oleh JHEOA*, pp. 109-110. Penerbit UKM, Bangi.
- Hanafiah Muhd Salleh (1997) Isu remaja dan penyelesaiannya. In: Osman Ali, Noor Hassim Ismail, Hashami Bohari, Hanafiah Muhd Salleh (eds) *Isu-isu kesihatan masyarakat*, bab 3. Penerbit UKM, Bangi.
- Ishak bin Sin, Nor Asikin Salleh (2003) Era globalisasi: Pendidikan dan cabaran. *Jurnal Pengurusan dan Kepemimpinan* 13. 14–28 .
- JHEOA (Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli) (2009a) Data senarai Sekolah Orang Asli di Jajahan Gua Musang, Kelantan. (Tidak diterbitkan).
- JHEOA (Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli) (2009b) Peruntukan pembangunan Orang Asli di Jajahan Gua Musang, Kelantan. (Tidak diterbitkan).
- KKLW (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah) (2007) Kemajuan pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Masyarakat Orang Asli Kawasan Pinggir bagi tahun 2003 hingga tahun 2006: Isu dan cadangan penambahbaikan. Kertas dibentangkan di Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli, Bil 1/2007. Putrajaya (Tidak diterbitkan).
- Meiji (2008) *Orang Asli*. [cited 02/02/2009]. Available from: <http://mita85.blogspot.com>.
- Musstafa Omar (2003) Warga Orang Asli menghadapi cabaran pembangunan: Satu analisis demografi daripada Rancangan Penempatan Semula Komuniti Jakun di Mukim Bekok, Segamat, Johor, dalam Mokhtar Jaafar (ed) *Prosiding Persidangan Kebangsaan, Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran "Cabaran Pembangunan Delima Persekitaran"*. Penerbit UKM, Bangi. 12–13 September.
- Norizan Mt Akhir, LAr. Zulkefle Ayob, Siti Syamimi Omar (2013) Pengekalan identiti melalui pelestarian landskap budaya Orang Asli. In: Nasir Nayan, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, Kamarul Ismail, Zainudin Othman, Mazdi Marzuki, Hamirdin Ithnin, Fauziah Che Lah, Mohd Faris Dziauddin, Mohd Hairry Ibrahim, Zuriatunfadzaliah Sahdan (eds) *Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar kali ke 4. Geografi & Alam Sekitar dalam Pembangunan dan Transformasi Negara*, pp. 239–244. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. 5–6 Mac.
- Pejabat Pelajaran Daerah, Gua Musang (2009) Data Emis (Tidak diterbitkan).
- Rosmizawati Saad (2003) Pencapaian akademik komuniti Jakun di rancangan Penempatan semula, Mukim Bekok, Segamat, Johor. (Tesis Sarjana). PPSPP, FSSK, UKM, Bangi (Tidak diterbitkan).
- Sekolah Kebangsaan Pos Pulat (2009) Data keputusan peperiksaan ujian penilaian Sekolah Rendah (Tidak diterbitkan)
- Sekolah Kebangsaan Pos Brooke (2009) Data keputusan peperiksaan ujian penilaian Sekolah Rendah (Tidak diterbitkan)

- Siti Aminah Mohd Sam, Seow Ta Wee (2013) Kelestarian pembangunan sosiobudaya komuniti Orang Asli. In: Nasir Nayan, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, Kamarul Ismail, Zainudin Othman, Mazdi Marzuki, Hamirdin Ithnin, Fauziah Che Lah, Mohd Faris Dziauddin, Mohd Hairy Ibrahim, Zuriatunfadzaliah Sahdan (eds) *Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar kali ke 4. Geografi & Alam Sekitar dalam Pembangunan dan Transformasi Negara*, pp. 483–489. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. 5–6 Mac.
- Unknown (2014) Kadar keciciran murid Orang Asli berkurangan. *Berita Harian*, 24 Januari 2014. 13.
- Wahid Hashim (2007) *Pendidikan Orang Asli: Sekolah Rintis Khas*. [cited 02 Feb 2009]. Available from: <http://www.tutor.com.my>.